

Untuk Siaran Segera

LHDNM/2020/03/29 - 20

HASIL CARE LINE (HCL) LHDNM AKAN BEROPERASI SEMULA MULAI 30 MAC 2020 BAGI MENJAWAB PERTANYAAN BERKAITAN BANTUAN PRIHATIN NASIONAL (BPN)

1. Selaras dengan Kenyataan Media yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) berkaitan Bantuan Prihatin Nasional (BPN) pada 29 Mac 2020, Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) ingin memaklumkan bahawa Hasil Care Line (HCL) akan beroperasi semula mulai Isnin, 30 Mac 2020. Lain-lain premis LHDNM di seluruh negara masih ditutup sehingga tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) tamat.
2. Berikut merupakan maklumat perkhidmatan operasi HCL sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP):

Masa - 9.00 pagi hingga 5.00 petang

Hari - Ahad hingga Jumaat

- No. Telefon - 03-8911 1000 atau +603-8911 1100 (Luar Negara)
- Perkhidmatan - Pertanyaan isu-isu percukaian dan Bantuan Prihatin Nasional (BPN)

3. Selain itu, talian Bantuan Sara Hidup (BSH) iaitu 1800-88-2747 turut akan beroperasi untuk menjawab sebarang pertanyaan berkenaan BSH.
4. Sebagai memberikan kemudahan kepada pelanggan, sebarang pertanyaan dan maklum balas berkaitan isu-isu percukaian dan perkara-perkara berkaitan juga boleh dimajukan kepada LHDNM melalui:
- a) HASiL Live Chat;
 - b) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>; dan
 - c) Media Sosial Rasmi LHDNM iaitu:
 - Facebook - <https://www.facebook.com/LHDNM>
 - Twitter - <https://twitter.com/LHDNMofficial>

5. Pembayar cukai juga boleh mendapatkan maklumat lanjut berkaitan urusan percukaian dalam tempoh PKP ini dengan melayari portal rasmi LHDNM di www.hasil.gov.my atau klik pada pautan Soalan Lazim (FAQ) seperti di bawah:

Versi Bahasa Malaysia: http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/faq_1.pdf

Versi Bahasa Inggeris: http://lampiran1.hasil.gov.my/pdf/pdfam/faq_2.pdf

#

SEKIAN, TERIMA KASIH



Dikeluarkan Oleh:
Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

☎ : 03-8313 8888 samb. 21658/21666/21965/21674/21663 | 📠 : 03-8313 7873
Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)
Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 29 Mac 2020

LHDN
MALAYSIA



/LHDNM



@LHDNOfficial



LHDNM



LhdnTube